



RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk membeli Polisi Insurans Kereta E-Hailing MULA. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am.

AIG Malaysia Insurance Berhad (“**AIG**”) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Produk: Polisi Insurans Kereta E-Hailing MULA

Tarikh Diterbitkan: Julai 2021

Takrifan Utama:

Pemegang Sijil adalah orang yang merupakan pengguna berdaftar Aplikasi E-hailing; membuat tempahan Kenderaan E-hailing melalui Aplikasi E-hailing dan menerima polisi ini; mengikuti perjalanan dalam Kenderaan E-hailing semasa Waktu Operasi; dan yang akan bertanggungjawab untuk pembayaran premium dan berhak menggunakan semua keistimewaan di bawah polisi ini.

Aplikasi e-hailing bermaksud aplikasi mudah alih berdaftar dan berlesen MULA Car International Sdn Bhd (“**MULA**”) yang disediakan di Malaysia, yang memudahkan peruntukan perkhidmatan pengangkutan e-hailing oleh pemandu berlesen dan berdaftar kepada pengguna yang berdaftar dengan aplikasi mudah alih tersebut.

Kenderaan E-hailing bermaksud kenderaan bermotor roda empat dengan kapasiti minimum 4 tempat duduk penumpang dan kapasiti maksimum 10 tempat duduk penumpang, beroperasi di bawah lesen yang sah untuk pengangkutan penumpang e-hailing; berdaftar dengan Aplikasi E-hailing; ditempah oleh Pemegang Sijil melalui Aplikasi E-hailing; dan tidak ditempah melalui Aplikasi E-hailing secara carter.

Waktu Operasi bermaksud perlindungan di bawah polisi ini akan bermula bagi Orang yang Diinsuranskan dari saat mereka menaiki Kenderaan E-hailing pada awal perjalanan mereka dan akan berakhir apabila Orang yang Diinsuranskan turun dari Kenderaan E-hailing setelah lengkap perjalanannya yang sama. Waktu Operasi ini tergunapakai untuk setiap perjalanan e-hailing yang dilakukan setelah Pemegang Sijil menerima polisi ini sehingga Pemegang Sijil menolaknya.

1. Apakah produk ini?

- (a) Produk ini memberi perlindungan kepada pengguna yang berdaftar dengan Aplikasi E-hailing yang menempah Kenderaan E-hailing melalui Aplikasi E-hailing dan memilih untuk menggunakan polisi ini, sekiranya berlaku kecederaan yang hanya disebabkan oleh kemalangan ketika menaiki, dalam perjalanan atau turun dari Kenderaan E-hailing sebagai penumpang yang membayar tambang.
- (b) Perlindungan akan merangkumi pasangan dan/atau anak-anak anda jika mereka mengikuti perjalanan dengan Kenderaan E-Hailing yang sama dengan anda semasa Waktu Operasi.
- (c) Perlindungan diperuntukkan di Malaysia dan sah semasa “Waktu Operasi”. Waktu Operasi ini tergunapakai untuk setiap perjalanan e-hailing yang dilakukan setelah anda menerima polisi ini sehingga anda memutuskan untuk menolak polisi ini.
- (d) Perlindungan di bawah polisi ini akan bermula dari saat anda menaiki Kenderaan E-hailing pada awal perjalanan anda dan akan berakhir apabila anda turun dari Kenderaan E-hailing setelah lengkap perjalanan yang sama.
- (e) Perlindungan ini boleh dibeli oleh pengguna yang berdaftar dengan Aplikasi E-Hailing MULA sahaja.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini memberikan perlindungan untuk manfaat berikut jika anda mengalami apa-apa kecederaan ketika menaiki, mengikuti perjalanan atau turun dari Kenderaan E-hailing sebagai penumpang yang membayar tambang yang mengakibatkan:

- (a) Kematian Disebabkan Kemalangan (bayaran sekali gus);



- (b) Hilang Upaya Kekal Disebabkan Kemalangan (bayaran sekali gus);
- (c) Perbelanjaan Perubatan (bayaran balik untuk perbelanjaan perubatan yang ditanggung untuk merawat kecederaan);
- (d) Pendapatan Hospital Harian (bayaran tunai harian untuk setiap hari anda menginap di hospital);
- (e) Elaun Tunai Pembedahan (bayaran sekali gus jika kecederaan anda mengakibatkan pembedahan yang perlu dari segi perubatan); dan
- (f) Tunai E-hailing (bayaran sekali gus untuk perbelanjaan perjalanan menggunakan kenderaan e-hailing sekiranya dimasukkan ke hospital).

Nota: Sila rujuk ungkapan polisi untuk butiran lanjut mengenai manfaat.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Anda perlu membayar premium RM0.50 (termasuk Cukai Perkhidmatan) untuk setiap perjalanan e-hailing.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	6% (termasuk dalam premium)
Komisen dibayar kepada ejen insurans, MULA	25% daripada premium (termasuk dalam premium yang dicali)

5. Apakah antara terma dan syarat penting yang perlu saya ketahui?

(a) **Tanggungjawab pendedahan:**

- (i) Anda mesti berhati-hati untuk mendedahkan semua fakta penting yang anda ketahui atau mungkin anda ketahui yang boleh mempengaruhi profil risiko anda dan memastikan bahawa semua jawapan anda terhadap soalan-soalan adalah penuh, lengkap, betul, jujur dan setakat pengetahuan anda yang terbaik kerana maklumat ini membentuk asas kontrak anda.
- (ii) Anda juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada AIG mengenai perubahan maklumat yang diberikan kepada AIG lebih awal sebelum Syarikat mengeluarkan polisi/sijil insurans kepada anda, sebelum anda memperbaharui atau mengubah mana-mana syarat polisi anda. Jika tidak, polisi anda mungkin akan dibatalkan, atau dianggap seperti tidak pernah wujud, atau tuntutan anda ditolak atau tidak dibayar penuh.

(b) **Kelayakan:**

Untuk layak menerima perlindungan, anda mesti menempah Kenderaan E-Hailing melalui Aplikasi E-Hailing. Perlindungan akan merangkumi pasangan dan/atau Anak(-anak) anda jika mereka mengikuti perjalanan dengan Kenderaan E-Hailing yang sama dengan anda semasa Waktu Operasi.

Syarat-syarat yang berikut mestilah sentiasa dipenuhi oleh Orang yang Diinsuranskan untuk layak menerima perlindungan di bawah polisi:

Umur

Umur kemasukan untuk Pemegang Sijil adalah 18 hingga 65 tahun (termasuk). Umur maksimum untuk mana-mana Orang yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini adalah 65 tahun.

Pekerjaan

Pekerjaan selain daripada yang disenaraikan di bawah 'Perkara 6 Pengecualian 10' yang berikut.

(c) **Premium:**

Premium adalah seperti yang dinyatakan dalam Sijil Insurans yang perlu dibayar untuk setiap perjalanan e-hailing berkenaan dengan polisi oleh Pemegang Sijil semasa Waktu Operasi.



(d) **Tuntutan:**

- (i) AIG mesti dimaklumkan secepat mungkin yang praktikal dengan sewajarnya dalam tempoh 30 Hari selepas tarikh kemalangan yang menyebabkan tuntutan.
- (ii) Semua bukti yang munasabah dan perlu hendaklah dikemukakan kepada AIG untuk menyokong tuntutan dalam tempoh 30 Hari selepas tarikh kemalangan yang menyebabkan tuntutan.
- (iii) Kegagalan untuk mematuhi (i) di atas boleh menyebabkan AIG menolak semua atau sebahagian tuntutan tersebut. Sebab-sebab termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jika terlalu lama selepas kejadian bahawa AIG tidak dapat menyasat secara menyeluruh, atau mungkin menyebabkan Orang yang Diinsuranskan tidak menerima amaun penuh tuntutan jika amaun yang perlu dibayar berubah kerana kelewatan itu.

(e) **Bilangan polisi:**

Hanya satu polisi individu yang memperuntukkan produk yang sama diunderait oleh AIG adalah dibenarkan. Jika terdapat lebih daripada satu polisi, AIG akan menganggap Pemegang Sijil/Orang yang Diinsuranskan akan diinsuranskan di bawah polisi dengan pampasan tertinggi atau, jika pampasan di bawah setiap polisi adalah sama, di bawah polisi pertama yang dikeluarkan.

(f) **Sekatan:**

Syarikat tidak akan dianggap memberikan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah polisi ini sekiranya peruntukan perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan tersebut atau pemberian manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat, syarikat induk kepada Syarikat atau entiti pengendali utamanya terhadap apa-apa sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi PBB atau sekatan perdagangan, ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.

6. **Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

AIG tidak akan membayar di bawah polisi ini, apa-apa tuntutan berhubung dengan:

1. Apa-apa kecederaan yang ditanggung oleh Orang yang Diinsuranskan di luar Waktu Operasi
2. Apa-apa Kenderaan E-hailing berdaftar yang telah ditempah melalui Aplikasi E-hailing secara carter.
3. Keadaan sedia ada atau apa-apa komplikasi yang timbul daripadanya, gangguan mental atau saraf, kehamilan atau kelahiran anak
4. Apa-apa penyakit
5. Bunuh diri atau cubaan membunuh diri, apa-apa tindakan jenayah atau haram (termasuk kesalahan lalu lintas) atau berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah
6. Mana-mana Pemegang Sijil yang terlibat, berlatih, melatih atau mengambil bahagian dalam sukan profesional, apa-apa sukan atau aktiviti lasak yang melibatkan tahap bahaya yang tinggi
7. Apa-apa aktiviti udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat komersial yang dilesenkan untuk membawa penumpang
8. HIV dan/atau penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS dan/atau apa-apa jenis penyakit kelamin
9. Perang, pencerobohan, dan pemberontakan
10. Orang yang terlibat dalam pekerjaan dengan risiko tinggi atau terdedah kepada keadaan berbahaya. Ini termasuk pekerjaan-pekerjaan berikut:
 - (a) Kakitangan ketenteraan termasuk angkatan bersenjata, perkhidmatan tentera laut atau udara atau operasi;
 - (b) Polis, kakitangan keselamatan termasuk pasukan pengaman;
 - (c) Ahli sukan profesional apabila Orang yang Diinsuranskan boleh atau mungkin memperoleh pendapatan atau imbuhan kerana terlibat dalam sukan tersebut.
 - (d) Juruterbang atau krew mana-mana pesawat udara atau kapal laut; dan
 - (e) Kerja atau aktiviti luar pesisir termasuk kerja pelantar minyak.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk ungkapan polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. **Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?**

Polisi ini tidak boleh dibatalkan oleh Pemegang Sijil, tetapi perlindungan anda di bawah polisi ini akan tamat apabila anda memilih untuk menolak Polisi Insurans Kereta E-hailing MULA bersama MULA, sebagai Pemegang Polisi Induk.



8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat hubungan / maklumat peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada AIG mengenai apa-apa perubahan profil anda termasuk perubahan peribadi dan pekerjaan yang boleh mempengaruhi profil risiko.

9. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk buku panduan *Insuranceinfo* mengenai Insurans Kemalangan Diri yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi AIG di:

AIG Malaysia Insurance Berhad,
Menara Worldwide,
198 Jalan Bukit Bintang,
55100, Kuala Lumpur,
Malaysia.

No. Telefon: 1800888811

E-mel: AIGMYCare@aig.com

10. Jenis perlindungan Kemalangan Diri lain yang ditawarkan

Sila rujuk laman web AIG di: www.aig.my

NOTAPENTING:

ANDA DINASIHATI UNTUK AMBIL MAKLUM TENTANG SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA KEKAL DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Anda hendaklah membaca dan memahami syarat kontrak dan berbincang lebih lanjut dengan AIG sekiranya terdapat syarat yang tidak difahami sebelum menerima kontrak polisi. Jika terdapat apa-apa pertanyaan mengenai terma dan syarat ungkapan polisi ini, Pemegang Polisi Induk atau Pemegang Sijil boleh menghubungi AIG.